

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010**

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH SARJANA) 2019**

**SUSUNAN KAEDAH**

Kaedah

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

- |   |   |
|---|---|
| 1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian | 3 |
| 2. Tafsiran                               | 3 |

**BAHAGIAN II  
PROGRAM AKADEMIK DAN SYARAT KEMASUKAN**

- |  |   |
|--|---|
| 3. Program Akademik                          | 6 |
| 4. Kemasukan ke Program Pengajian Universiti | 7 |
| 5. Kemasukan Calon Program Mobiliti          | 7 |

**BAHAGIAN III  
PENDAFTARAN**

- |                              |   |
|------------------------------|---|
| 6. Pendaftaran sebagai Calon | 8 |
|------------------------------|---|

**BAHAGIAN IV  
BAYARAN**

- |  |   |
|--|---|
| 7. Yuran dan Bayaran Lain                        | 8 |
| 8. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain     | 8 |
| 9. Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain     | 8 |
| 10. Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain | 9 |

**BAHAGIAN V  
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

- |   |   |
|---|---|
| 11. Tempoh Program Pengajian              | 9 |
| 12. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum    | 9 |
| 13. Penggantungan Program Pengajian Calon | 9 |

**BAHAGIAN VI**  
**STRUKTUR PROGRAM AKADEMIK**

|  |    |
|--|----|
| 14. Struktur Program secara Penyelidikan dan secara Mod Campuran | 9  |
| 15. Struktur Program secara Kerja Kursus                         | 10 |
| 16. Struktur Program secara Klinikal                             | 10 |

**BAHAGIAN VII**  
**SYARAT BAHASA**

|                            |    |
|----------------------------|----|
| 17. Syarat Bahasa Malaysia | 10 |
| 18. Syarat Bahasa Inggeris | 11 |

**BAHAGIAN VIII**  
**KAEDAH PENILAIAN**

|                            |    |
|----------------------------|----|
| 19. Penilaian              | 11 |
| 20. Jawatankuasa Pemeriksa | 11 |

**BAHAGIAN IX**  
**PENGIJAZAHAN**

|                         |    |
|-------------------------|----|
| 21. Syarat Pengijazahan | 11 |
|-------------------------|----|

**BAHAGIAN X**  
**AM**

|   |    |
|---|----|
| 22. Penamatan Pencalonan  | 12 |
| 23. Kuasa Senat Membuat Peraturan   | 13 |
| 24. Pengecualian Pemakaian  | 13 |
| 25. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti | 13 |
| 26. Pembatalan  | 13 |

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

### PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

#### KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2019

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010], Lembaga Pengarah Universiti membuat kaedah-kaedah berikut:

#### **BAHAGIAN I** **PERMULAAN**

##### **1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian**

- (1) Kaedah-Kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2019 dan hendaklah berkuat kuasa mulai Sesi Akademik 2019/2020.
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua calon program pengajian Ijazah Sarjana yang diterima masuk sebelum dan pada Sesi Akademik 2019/2020 dan seterusnya.
- (3) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah (2), calon Sesi Kemasukan 2018/2019 dan sebelumnya di Fakulti Pergigian akan tertakluk kepada peraturan penilaian peperiksaan program pengajian secara Kursus Klinikal seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2014.
- (4) Walau apapun yang diperuntukan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya, kaedah pelaksanaan Ijazah Sarjana yang akan digunakan oleh Universiti hendaklah juga dibaca bersama dengan dasar, garis panduan, prosedur dan/atau apa-apa ketetapan lain oleh Universiti dari semasa ke semasa.

##### **2. Tafsiran**

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain:

"Bursar" ertinya, seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

"bilik peperiksaan" ertinya premis untuk menjalankan peperiksaan bagi sesuatu kursus atau kursus-kursus;

"bukan warganegara" ertinya bukan warganegara Malaysia termasuk yang berstatus pemastautin tetap;

"calon" ertinya seseorang yang telah berdaftar bagi menjalani mana-mana program pengajian Ijazah Sarjana Universiti;

"Dekan Fakulti" ertinya Dekan Fakulti Universiti dan termasuk mana-mana Pengarah atau Ketua Akademi, Pusat, Sekolah atau Institut yang dilantik di bawah subseksyen 24(4) dan (5) Perlembagaan;

“disertasi” ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh calon bagi penganugerahan Ijazah Sarjana secara Penyelidikan dan secara Mod Campuran;

"Fakulti" ertinya mana-mana Fakulti Universiti dan termasuk mana-mana Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti yang ditubuhkan di bawah subseksyen 24(1) Perlembagaan;

“Guru” ertinya seorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Malaya, dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, felo, penolong profesor, *reader*, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah dan guru bahasa;

“Ijazah” ertinya Ijazah Sarjana Universiti;

"Jabatan" ertinya mana-mana jabatan pengajian Fakulti dan termasuk mana-mana bahagian pengajian Fakulti;

“Jawatankuasa Pemeriksa” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Fakulti untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan calon dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau Peraturan-Peraturan yang berkenaan;

“kalendar pengajian” ertinya tempoh pengajian yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu ulangkaji, minggu peperiksaan dan cuti dalam sesuatu semester yang mana tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor;

“Keperluan dan syarat” ertinya Keperluan dan Syarat Khusus Bagi Program Ijazah Sarjana Universiti Malaya yang perlu dibaca bersama dengan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2019 dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2019.

“Ketua Jabatan” ertinya Ketua mana-mana Jabatan pengajian Fakulti termasuk Penyelaras Program di mana berkenaan;

“kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

“kredit dapat” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang calon bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya bagi tujuan penyempurnaan pengijazahan;

“kredit kira” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang calon bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya dan gred yang diperolehi bagi kursus tersebut diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK;

"kursus" ertinya satu unit pengajian, latihan atau latihan klinikal termasuk tetapi tidak terhad kepada kuliah, tutorial, pembelajaran elektronik, kajian kes, pembentangan, lawatan, latihan amali, makmal komputer, *internship*, yang dijalankan sepanjang satu tempoh yang ditetapkan, yang menyumbang kepada kredit atau hasil pembelajaran sesuatu program pengajian;

"Laporan Penyelidikan" ertinya hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh calon program pengajian ijazah Sarjana Secara Kerja Kursus atau ijazah Sarjana Secara Klinikal semasa pencalonannya dan termasuk kertas penyelidikan, kertas projek, laporan projek dan hasil penyelidikan berkenaan yang dikenali dengan apa jua nama;

"Naib Canselor" ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik Universiti yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) Perlembagaan;

“Pemeriksa Dalam” ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk memeriksa sesuatu kursus, sebahagian daripada kursus itu atau disertasi calon;

“Pemeriksa Luar” ertinya seseorang bukan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk memeriksa disertasi calon;

“pemindahan kredit dengan gred” ertinya pemindahan kredit bersama-sama gred bagi kursus daripada tahap kelayakan yang sama (*horizontal*) untuk calon yang masih dalam pengajian;

“pemindahan kredit tanpa gred” ertinya pemindahan kredit tanpa gred bagi kursus dari tahap kelayakan yang rendah (*vertical*) dan/atau dari tahap kelayakan yang sama (*horizontal*) untuk calon yang telah tamat pengajian atau tidak menyempurnakan pengajian (tidak termasuk calon yang ditamatkan daripada program pengajian) tetapi telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus yang dipohon;

“Penilai Luar Program / Pemeriksa Luar Program” ertinya seseorang bukan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Universiti untuk satu atau lebih program akademik;

"Pendaftar" ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

“Pengawas” ertinya pengawas dan termasuk ketua pengawas yang dilantik oleh Naib Canselor daripada kalangan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti untuk mengawas peperiksaan program akademik;

“penggal” ertinya tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti bagi sesuatu sesi akademik dan boleh termasuk semester;

“pengecualian kursus” ertinya pengecualian daripada mendaftar dan mengikut sesuatu kursus yang diberikan kepada seseorang calon berdasarkan kepada kesetaraan kandungan kursus yang dipohon dengan pembuktian pengetahuan dan kemahiran calon. Sekiranya pengecualian kursus itu akan menyebabkan keperluan kredit bergraduat tidak mencukupi, maka calon perlu mengambil kursus lain bagi menggantikan kursus tersebut;

“Penyelaras Program” ertinya seseorang yang dilantik oleh Dekan Fakulti daripada kalangan guru sepenuh masa Universiti untuk menyelaras sesuatu program akademik;

"penyelia" ertinya seseorang yang dilantik oleh Fakulti daripada kalangan guru sepenuh masa dan Profesor Emeritus Universiti untuk menyelia calon dalam program pengajiannya;

"Penyelia Bersama" ertinya seseorang yang dilantik oleh Fakulti daripada kalangan Profesor Adjung, Profesor Kehormat, pensyarah pelawat atau felo penyelidik yang dilantik oleh Universiti dan guru sepenuh masa dari universiti lain untuk menyelia calon dalam program pengajiannya;

"Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010];

“perunding” ertinya seseorang yang bukan guru dari mana-mana universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan yang dilantik oleh Fakulti untuk menyelia calon dalam program pengajiannya;

“PNG” ertinya Purata Nilai Gred yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu semester;

“PNGK” ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang telah diambil mulai semester pertama sehingga semester terkini;

“program akademik” ertinya kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan serta gabungan kursus, atau latihan dan penyelidikan yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk anugerah ijazah;

“program akademik secara Penyelidikan” ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1)(a);

“program akademik secara Mod Campuran” ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1)(b);

“program akademik secara Kerja Kursus” ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1)(c);

“program akademik secara Klinikal” ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1)(d);

“semester” ertinya tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti bagi sesuatu sesi akademik yang terdiri daripada semester biasa dan semester khas;

“Semester Biasa” ertinya Semester I atau Semester II sepertimana yang dinyatakan dalam Kalendar Pengajian;

“Semester Khas” ertinya semester yang tempohnya lebih pendek daripada Semester Biasa dan diadakan selepas Semester II;

“Senat” ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 22 Perlembagaan;

“Sesi Akademik” ertinya tempoh pengajian sesuatu program akademik yang terdiri daripada dua (2) semester biasa dan semester khas yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Naib Canselor;

“Sesi Kemasukan” ertinya sesi bilamana seseorang pelajar diterima masuk ke sesuatu program pengajian;

“Tahun Kalendar” ertinya jangka waktu (masa) yang tempohnya adalah dua belas (12) bulan (Januari – Disember);

“tempat pengajian” ertinya Universiti termasuk mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Universiti;

“Timbalan Dekan Ijazah Tinggi” ertinya Timbalan Dekan dan termasuk mana-mana Timbalan Pengarah yang dilantik oleh Universiti serta bertanggungjawab bagi urusan program ijazah tinggi di Akademi, Pusat, Sekolah atau Institut;

“Universiti” ertinya Universiti Malaya;

“*viva voce*” ertinya salah satu komponen dalam program Ijazah Sarjana yang berbentuk peperiksaan lisan bagi calon mempertahankan disertasi mereka. Komponen ini diadakan

pada tahap terakhir dalam program pengajian setelah calon menyelesaikan kerja penyelidikan dan menyerahkan disertasi bagi tujuan peperiksaan.

“warganegara” ertinya warganegara Malaysia.

## **BAHAGIAN II** **PROGRAM AKADEMIK DAN SYARAT KEMASUKAN**

### **3. Program Akademik**

- (1) Program akademik hendaklah diklasifikasikan seperti berikut:
  - (a) Ijazah Sarjana secara Penyelidikan, iaitu program akademik yang dilaksanakan secara penyelidikan sepenuhnya yang membawa kepada penghasilan disertasi.
  - (b) Ijazah Sarjana secara Mod Campuran, iaitu program akademik yang dilaksanakan secara gabungan kursus dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan disertasi;
  - (c) Ijazah Sarjana secara Kursus, iaitu program akademik yang dilaksanakan secara kursus sepenuhnya dan yang membawa kepada penghasilan laporan penyelidikan; dan
  - (d) Ijazah Sarjana secara Klinikal, iaitu program akademik yang melibatkan latihan kepakaran klinikal dan membawa kepada penghasilan laporan penyelidikan;
- (2) Berdasarkan mod pengajian yang dinyatakan di dalam subkaedah di atas, tempoh lazim bagi pengajian sepenuh masa adalah dua (2) tahun bagi program secara penyelidikan dan satu (1) tahun bagi program secara mod campuran dan kerja kursus.

### **4. Kemasukan ke Program Pengajian Universiti**

- (1) Setiap pemohon yang ingin mengikuti program pengajian Sarjana hendaklah memenuhi syarat am seperti berikut:
  - (a) memperolehi Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Senat atau kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengan Ijazah Sarjana Muda yang diterima oleh Senat;
  - (b) memenuhi keperluan dan syarat kelayakan minimum bagi program Sarjana Universiti seperti mana ditetapkan di dalam Jadual 1, Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2019;
  - (c) mengesahkan penerimaan tawaran kemasukan;
  - (d) disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar, Klinik Kesihatan Pelajar Universiti bahawa pemohon mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit atau apa-apa kecacatan anggota yang boleh mengganggu pengajian di Universiti; dan
  - (e) membayar yuran tertentu.

- (2) Dalam keadaan tertentu, kemasukan pemohon adalah tertakluk kepada keputusan Senat atas perakuan Fakulti yang berkenaan serta memenuhi subkaedah (1) (c), (d) dan (e) di atas.
- (3) Kemasukan bagi program pengajian kebiasaannya adalah pada permulaan Semester I atau Semester II setiap sesi akademik dan tawaran kemasukan adalah untuk sesuatu semester dan sesi tertentu.

#### **5. Kemasukan Calon Program Mobiliti**

- (1) Calon Program Mobiliti ialah calon daripada luar universiti yang diluluskan untuk mengikuti mana-mana kursus tertentu atau menjalankan penyelidikan yang ditawarkan bagi program akademik, sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit. Mereka bukanlah calon program pengajian Universiti.
- (2) Kemasukan Calon Program Mobiliti hendaklah atas budi bicara Dekan Fakulti.

### **BAHAGIAN III** **PENDAFTARAN**

#### **6. Pendaftaran sebagai Calon**

- (1) Sesiapa yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian Ijazah dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2019.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) di atas adalah pelajar Universiti dan digelar calon program pengajian Ijazah. Nama calon tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga calon berjaya menamatkan program pengajiannya dan Senat mengesahkan calon tersebut layak dianugerahkan Ijazah atau sehingga atas sebab tertentu calon tersebut hilang status menjadi pelajar Universiti mengikut yang mana terdahulu.
- (3) Setiap calon yang telah mendaftar untuk program pengajian ijazah yang telah ditawarkan kepadanya hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti.
- (4) Mana-mana calon yang gagal mendaftar secara berterusan bagi tempoh dua (2) semester dengan Universiti akan terhenti daripada menjadi pelajar dan namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar Universiti.
- (5) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah di atas dan tertakluk kepada subkaedah (3) di atas, Senat boleh pada bila-bila masa menamatkan pendaftaran mana-mana calon sekiranya pada pandangan Senat calon tersebut atas sebab-sebab akademik yang ditentukan oleh Senat, tidak mampu meneruskan program pengajiannya dan nama calon tersebut hendaklah digugurkan dari senarai daftar pelajar Universiti dan calon tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat yang dibuat menurut peruntukan subkaedah (5) ini adalah muktamad.



**BAHAGIAN IV**  
**BAYARAN**

**7. Yuran dan Bayaran Lain**

Calon hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan mengikut peraturan seperti mana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2019.

**8. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain**

Pihak Universiti mempunyai hak mutlak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada calon.

**9. Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain**

Calon hendaklah membayar semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

**10. Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain**

Kegagalan seseorang calon menjelaskan semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh menyebabkan calon berkenaam:

- (1) dihalang daripada mendapat keputusan peperiksaan bagi semester berkenaam;
- (2) dihalang daripada mendaftar pada semester berikutnya dan statusnya sebagai pelajar Universiti boleh ditamatkan; dan/atau
- (3) dihalang daripada dikurniakan ijazah.

**BAHAGIAN V**  
**TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

**11. Tempoh Program Pengajian**

Calon hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan.

**12. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum**

- (1) Tempoh minimum dan maksimum bagi program pengajian Ijazah Sarjana adalah seperti mana yang ditetapkan di dalam Jadual 1 kepada Kaedah-Kaedah ini.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1) di atas, dalam keadaan tertentu, Dekan Fakulti atau pegawai lain sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti boleh melanjutkan tempoh pencalonan yang melebihi tempoh maksimum sepertimana yang ditetapkan dalam subkaedah (1) di atas dengan syarat bahawa pelanjudan berkenaam tidak melebihi tempoh tiga (3) semester.

**13. Penggantungan Program Pengajian Calon**

Tempoh penggantungan program pengajian calon yang dikenakan hukuman di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 tidak boleh diambil kira dalam tempoh maksimum program pengajian.

**BAHAGIAN VI**  
**STRUKTUR PROGRAM AKADEMIK**

**14. Struktur Program secara Penyelidikan dan secara Mod Campuran**

- (1) Bagi program akademik secara Penyelidikan, calon dikehendaki menjalankan penyelidikan sepenuhnya yang membawa kepada penghasilan disertasi. Walau bagaimanapun calon boleh disyaratkan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti atau Fakulti yang berkenaan.
- (2) Bagi program akademik secara Mod Campuran, calon dikehendaki mengikuti program tersebut berdasarkan struktur program akademik dan menghasilkan disertasi seperti mana yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.
- (3) Penilai Luar Program bagi setiap program akademik yang ditawarkan oleh Universiti hendaklah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan Jawatankuasa Khas seperti yang dilantik oleh Senat yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan.

**15. Struktur Program secara Kerja Kursus**

- (1) Bagi program akademik secara Kerja Kursus, calon dikehendaki mengikuti program akademik secara kursus sepenuhnya dan menghasilkan laporan penyelidikan.
- (2) Penilai Luar Program bagi setiap program akademik yang ditawarkan oleh Universiti hendaklah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Senat seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan.

**16. Struktur Program secara Klinikal**

- (1) Bagi program akademik secara Klinikal, calon dikehendaki mengikuti program akademik latihan kepakaran klinikal dan menghasilkan laporan penyelidikan.
- (2) Pemeriksa Luar Program bagi setiap program akademik yang ditawarkan oleh Universiti hendaklah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan Fakulti seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan.

**BAHAGIAN VII**  
**SYARAT BAHASA**

**17. Syarat Bahasa Malaysia**

- (1) Calon warganegara sebelum dianugerahkan ijazahnya dikehendaki memperoleh sekurang-kurangnya:
  - (a) gred lulus dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
  - (b) Peringkat III Sijil Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu Universiti atau di peringkat setaraf;

- (c) gred lulus kursus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang diiktiraf oleh Universiti; atau
  - (d) lulus penilaian pengecualian Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Calon bukan warganegara dikehendaki menghadiri dengan memuaskan suatu kursus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Universiti sebelum dianugerahkan ijazahnya melainkan ia memperoleh sekurang-kurangnya:
- (a) gred lulus dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
  - (b) Peringkat III Sijil Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu Universiti atau di peringkat setaraf;
  - (c) gred lulus kursus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang diiktiraf oleh Universiti; atau
  - (d) lulus penilaian pengecualian Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Walau apapun yang diperuntukkan oleh subkaedah (1) dan (2) di atas keperluan syarat Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu adalah dikecualikan bagi calon yang telah mengikuti pengajian dan telah memperolehi ijazah dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan dan Swasta yang mana bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa kebangsaan.

## **18. Syarat Bahasa Inggeris**

- (1) Pemohon bukan warganegara yang mengikuti program pengajian ijazah di Universiti dan/atau menulis disertasi dalam Bahasa Inggeris, dan yang memperoleh ijazahnya dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah berkenaan adalah dikehendaki memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.
- (2) Pemohon bukan warganegara yang mengikuti program pengajian dan/atau menulis disertasi dalam bahasa selain Bahasa Inggeris iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Arab yang berkaitan dengan bidang penyelidikannya sebelum pengijazahan dikehendaki memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 1, Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2019.

## **BAHAGIAN VIII** **KAEDAH PENILAIAN**

### **19. Penilaian**

- (1) Penilaian hendaklah diadakan bagi program akademik seperti berikut tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2019:
  - (a) Penyelidikan
  - (b) Mod Campuran

- (c) Kerja Kursus; dan
  - (d) Klinikal
- (2) Penilaian yang dijalankan oleh Universiti boleh dibuat secara peperiksaan akhir dan/atau penilaian berterusan serta kaedah penilaian lain sepertimana yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Fakulti.

## **20. Jawatankuasa Pemeriksa**

Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan hendaklah diadakan bagi setiap peperiksaan untuk setiap program akademik.

### **BAHAGIAN IX** **PENGIJAZAHAN**

## **21. Syarat Pengijazahan**

- (1) Calon boleh dianugerahkan ijazah yang berkenaan tertakluk kepada calon:
- (a) memenuhi segala keperluan Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
  - (b) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa untuk dianugerahkan Ijazah dan diluluskan oleh Senat; dan
  - (c) memenuhi segala keperluan lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.
- (2) Universiti berhak menahan pengurniaan ijazah sekiranya calon gagal menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Walau apapun keputusan berhubung dengan pengijazahan seseorang calon, Universiti berhak untuk melucut penganugerahan ijazah seseorang calon jika Universiti berpuas hati bahawa calon tersebut telah terbukti melakukan perkara berikut:
- (a) pemalsuan maklumat bagi memenuhi keperluan pengijazahan; atau
  - (b) melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik yang pada pandangan Universiti tidak layak dianugerahkan ijazahnya.

### **BAHAGIAN X** **AM**

## **22. Penamatan Pencalonan**

Senat berhak menamatkan pencalonan seseorang calon yang didapati telah memberikan maklumat palsu berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti atau melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik selain daripada yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang pada pandangan Senat tidak wajar dan menjejaskan imej Universiti.

**23. Kuasa Senat Membuat Peraturan**

Senat boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan kaedah-kaedah ini.

**24. Pengecualian Pemakaian**

Walau apapun dinyatakan di bawah kaedah-kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat boleh memberi pengecualian pemakaian mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

**25. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti**

Setiap calon adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

**26. Pembatalan**

Tertakluk kepada peruntukan Kaedah 1(3), Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2014 dan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Institut Asia-Eropah) 2011 adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat pada 27 Ogos 2019.

YM Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim  
Pengerusi  
Lembaga Pengarah Universiti Malaya

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH SARJANA) 2019**

**JADUAL 1  
(Kaedah 12)**

**TEMPOH MINIMUM DAN TEMPOH MAKSIMUM**

**1. Tempoh Pengajian Ijazah Sarjana secara Penyelidikan**

Tempoh minimum : 2 semester  
Tempoh maksimum : 8 semester

**2. Tempoh Pengajian Ijazah Sarjana secara Mod Campuran**

Tempoh minimum : 3 atau 4 semester  
Tempoh maksimum : 8 atau 9 semester

**3. Tempoh Pengajian Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus**

Tempoh minimum : 2 atau 3 semester  
Tempoh maksimum : 8 atau 9 semester

**4. Tempoh Pengajian Ijazah Sarjana secara Klinikal**

Tempoh minimum : 4 tahun  
Tempoh maksimum : 7 tahun

Nota: Tempoh minimum dan maksimum sesuatu program pengajian mengikut mod pengajian boleh berbeza dari yang dinyatakan di atas dan tertakluk kepada kelulusan dari Kementerian Pendidikan Malaysia.